

20/05/1997

Propaganda Barat cuba gagalkan projek Bakun

Anak Islam

SAYA sebagai rakyat Malaysia yang tidak mempunyai apa-apa fahaman politik dan hanya berpegang teguh kepada prinsip hidup, amat terharu dengan kenyataan Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir Muhammad, apabila beliau menegur sesetengah pihak yang cuba menggagalkan projek raksasa Hidro Elektrik Bakun dan fungsi pihak media kebelakangan ini.

Saya amat hairan, sesetengah pihak yang kononnya cuba untuk melindungi alam semula jadi dan hak asasi sesuatu kaum, mencuba sedaya-upaya menggagalkan usaha murni kerajaan.

Kenapa harus dipertikaikan usaha kerajaan di bawah kepimpinan Dr Mahathir. Apakah tidak cukup pengorbanan tenaga, masa dan kudrat PM?

Kita tahu betapa kerajaan cuba menyelamatkan maruah bangsa dan negara dalam pelbagai hal contohnya BMF, Perwaja dan lain-lain. Untuk apa dilakukan semua itu? Ia tentulah satu usaha murni untuk menyelamatkan maruah bangsa dan negara di mata dunia.

Tidak cukupkah perjuangan beliau menegak dan memartabatkan Islam, bangsa Melayu dan Malaysia? Apakah tidak cukup usaha beliau untuk membasmi kemiskinan dan membantu golongan Melayu pertengahan serta menjadikan orang Melayu berdaya saing di medan antarabangsa?

Tidak cukupkah usaha beliau hingga menjadikan negara dari negara pertanian kepada negara maju? Berapa ramaikah pemimpin dunia yang mampu melakukan perkara itu?

Rata-rata kita dapat lihat hasrat murni beliau untuk membantu memartabatkan Islam, bangsa Melayu dan Malaysia. Apakah tidak cukup kejujuran dan keikhlasan beliau selama ini hingga sanggup kita mempertikaikan usaha murni untuk membangunkan projek Bakun untuk kesejahteraan rakyat semua.

Apakah kita berbangga jika hingga hari ini dunia beranggapan rakyat Malaysia hidup di atas pokok, bercawat dan bersumpit? Bagaimanakah taraf hidup itu boleh berubah jika tiada pembangunan. Sudah pasti ia adalah perkara mustahil sama sekali. Apakah yang meragukan sehingga tidak cukup tohmahan dan cacian dari media Barat sehingga media kita terikut-ikut dan terbawa-bawa dengan idea mereka.

Selama ini apakah jasa yang telah ditaburi oleh Barat dan medianya terhadap Malaysia sehingga kita terhutang budi dan terpengaruh dengan sikap mereka. Kita tahu media Barat hanya gemar memburuk-burukkan nama negara kerana cemburu dengan kemakmuran dan kemajuan Malaysia.

Apakah media kita sendiri cemburu dengan kemajuan dan kemakmuran negara mereka sendiri? Apakah mereka mahu Malaysia menjadi seperti negara Islam yang lain; contohnya Bosnia, Algeria atau negara lain dan apakah akan terjadi kepada media ketika itu seandainya ia menjadi kenyataan.

Mereka seharusnya bersyukur kerana dapat hidup di Malaysia yang aman damai dan seharusnya menunjukkan sikap sateria negara yang cuba mempertahankan maruah agama, bangsa dan negara di sempadan dunia dan bukan menjadi pemusnah, perosak atau dalang negara mereka sendiri.

Tetapi berapa ramaikah antara mereka yang dikatakan mencintai alam semula jadi tinggal di dalamnya? Berapa ramaikah di antara mereka yang hidup di dalam hutan semula jadi? Kenapa mereka masih berebut-rebut untuk hidup di bandar besar seperti Kuala Lumpur yang dicemari pelbagai pencemaran?

Saya rasa jawapannya mudah. Kita manusia pada hakikatnya memerlukan keperluan asas untuk kehidupan yang serba selesa, aman, damai, tenteram

dan tenang. Ini tidak bermakna kita tidak harus menitikberatkan persekitaran alam. Siapakah di antara kita yang suka meminum air berminyak, berbau dan berkarat? Siapakah pula yang suka hidup di dalam kabus asap yang tebal?

Tiada suatu makhluk pun walaupun haiwan atau serangga yang sanggup hidup di dalam situasi demikian. Adakah cukup sekadar hidup dengan meminum air sungai? Apakah cukup sekadar memakan pucuk kayu untuk hidup? Apakah cukup sekadar menggunakan api untuk berdiang dan untuk kehidupan harian?

Gambaran ini hanya sesuai untuk manusia di zaman batu. Seharusnya kita wajib melindungi alam sekitar terutama hutan yang menghasilkan oksigen kepada manusia. Lazimnya manusia apabila memikirkan korban ia hanya tertakluk kepada korban haiwan ternakan saja, tetapi korban mencakupi pelbagai benda dan perkara.

Tanpa pengorbanan mustahil kita dapat mengecapi kebahagiaan dan kemakmuran hari ini. Apalah salahnya jika kita mengorbankan sedikit dari bumi dan hutan kita untuk kesejahteraan rakyat dan apabila segalanya berjalan lancar dan mendatangkan hasil rakyat jua yang dapat mengecapi hasilnya hingga ke anak cucu. Jadi apakah perlu kita perbesar-besarkan isu itu.

Diharap janganlah kita sampai mudah terpengaruh dengan propaganda Barat untuk memusnahkan usaha murni kerajaan demi membangunkan rakyat, dengan melaga-lagakan pemimpin dan rakyat yang akhirnya merugikan negara dan rakyat sendiri sedangkan mereka bersorak gembira dengan kehancuran sebuah negara Islam maju yang bernama Malaysia.